

UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
 24 MAY 2016
 U.R.D
 M.B.P.J.



ROSLAN (kanan) menunjukkan kereta yang dirampas daripada kumpulan sindiket ah long pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JSJK, Bukit Aman, Kuala Lumpur semalam.

Polis berkas 10 lelaki, 3 wanita dalang sindiket pinjaman wang haram

Ceti muda dalang ah long terbesar

SKIM POTONGAN GAJI ZAKAT (SKIM THOHIR)

- 01 TAKSIRAN**
 - Portal PPZ-MAIWP - zakat.com.my
 - Talian Zakat - 1-300-88-5757
 - Kaunter PPZ-MAIWP

Menerusi:-
- 02 ISI BORANG (PPZ 052)**
 - Majikan anda
 - Muat turun borang di Portal PPZ-MAIWP
 - Kaunter PPZ-MAIWP
 - Talian Zakat - 1-300-88-5757

Boleh dapatkan borang Skim Thohir (PPZ 052) melalui:-
- 03 PASTIKAN**
 - Pastikan slip gaji anda tertera potongan zakat
 - Potongan Gaji Zakat diselaraskan dengan Potongan Cukai Berjadual (PCB)
 - Menerima penyata potongan gaji zakat (Januari & Julai)

Borang PPZ 052 yang lengkap dihantar kepada Bahagian Gaji Majikan anda.

Ikuti kami di Facebook www.facebook.com/myzakat

TALIAN ZAKAT 1300 88 5757

PPZ MAIWP

PERUSAHAAN PANGKUTAN ZAKAT

KUALA LUMPUR

Perbuatan satu sindiket ah long yang tidak henti-henti membuat ugutan bunuh selama setahun ke atas seorang lelaki kerana gagal melunaskan faedah pinjamannya mencecah RMI juta selepas meminjam RM490,000 memakan diri apabila polis memberkas ahli sindiket yang dianggap antara terbesar di negara ini.

Sindiket yang meraih keuntungan faedah lebih RM8 juta hanya dalam tempoh dua tahun itu berjaya ditumpaskan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman selepas 13 ah long ditahan ketika serbuan Op Vulture di sekitar Serdang dan Puchong, Selangor pada Jumaat lalu.

Timbalan Pengarah Risikan Operasi JSJK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Roslan Abd. Wahid berkata, dalam ser-



BARANGAN seperti telefon bimbit, komputer riba, buku cek dan wang tunai RM83,000 antara yang dirampas polis dalam serbuan Jumaat lalu di sekitar Puchong dan Serdang.

buan itu mereka berjaya menahan 10 lelaki dan tiga wanita yang masih muda berusia lingkungan 23 hingga 32 tahun termasuk ketua sindiket.

Menurutnya, sindiket terbabit bergerak secara aktif sejak tahun 2014 di sekitar Lembah Klang dan Johor.

Katanya, polis memulakan siasatan ke atas sindiket itu selepas menerima laporan daripada se-

orang mangsa lelaki berusia 48 tahun yang kerap diugut bunuh pada Oktober tahun lalu.

"Ketika serbuan, polis merampas sembilan buah kereta mewah, 42 buah telefon bimbit, tiga buah komputer riba, 37 keping kad bank, 56 keping buku cek dan wang tunai RM83,000 dengan jumlah keseluruhan rampasan bernilai kira-kira RMI.6 juta.

"Berdasarkan rekod se-



SERAMAI 13 dalang sindiket ah long diberkas dalam tangkapan terbesar JSJK pada Jumaat lalu.

makan, terdapat 19 laporan polis dibuat oleh orang awam ke atas sindiket itu yang didaftarkan atas perniagaan berbentuk servis dan perkhidmatan di Puchong," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di sini

semalam.

Tambah beliau, tangkapan itu merupakan kejayaan terbesar JSJK dan pihaknya akan meneruskan siasatan lanjut bagi mengenal pasti sama ada sindiket berkenaan mempunyai kaitan dengan sindiket lain

INFO

Statistik kes penipuan sindiket ah long seluruh negara (2014 sehingga April 2016)

Negeri	Kes
Perlis	15
Kedah	57
Pulau Pinang	171
Perak	215
Selangor	306
Negeri Sembilan	61
Melaka	127
Johor	461
Pahang	57
Terengganu	26
Kelantan	33
Sabah	27
Sarawak	26
Kuala Lumpur	430
Jumlah	2,012

yang turut beroperasi di negara ini.

Katanya, kesemua 13 suspek ditahan reman bermula Jumaat lalu sehingga hari ini untuk disiasat mengikut Seksyen 5 (2) Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951.